

Wadah jalinan kerjasama, muafakat

► Sambutan Hari Raya Aidifitri UMSKAL 2015 meriah

LABUAN: Kira-kira 250 kakitangan memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2015 di ruanglegar,BangunanMenara UMSKAL, kelmarin.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik turut hadir untuk bersama-sama pensyarah, pegawai dan kakitangan sokongan meraikan hari lebaran pada tahun ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohamad Tuah.

Kakitangan yang hadir gembira membawa balik pelbagai hadiah dan anugerah termasuk cabutan bertuah, anugerah Jasa Bakti untuk kakitangan yang berkhidmat



KAKITANGAN yang berkhidmat 10 tahun menerima anugerah Jasa Bakti daripada Murnizam (tengah) sambil diperhatikan Zamri (kiri).



MURNIZAM (tengah) menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah sempena sambutan Hari Raya UMSKAL 2015. Turut kelihatan Zamri Tuah (kiri).



PENGARAH UMSKAL gembira bergambar kenangan bersama sebahagian kakitangan yang hadir pada Hari Raya Aidilfitri.

10 tahun, gerai terbaik, persembahan nyanyian dan acara sampingan lain.

Pelbagai juadah disediakan kakitangan sendiri seperti soto, mi kari, rendang, nasi lemak, buah-buahan, bubur kacang hitam dan roti canai.

Sebanyak lapan gerai dihias menarik untuk memastikan warga universiti menjamu selera sambil beramah mesra dan merapatkan lagi hubungan

baik yang sedia terjalin antara kakitangan UMSKAL.

Sambil mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga UMSKAL,

Murnizam berharap majlis itu akan meninggalkan kenangan manis kepada semua kakitangan yang hadir sejak majlis bermula jam 10.30 pagi.

Beliau merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada kakitangan yang

bertungkus-lumus membuat persiapan bagi memastikan sambutan hari lebaran pada tahun ini berjalan lancar.

Katanya, program Hari Raya adalah salah satu kaedah untuk beliau bersama pengurusan UMSKAL mendekatkan diri dengan pegawai, pensyarah dan kakitangan dengan lebih mesra dan santai.

"Saya mahu menjadikan sambutan Hari Raya untuk kita

semua merapatkan barisan bagi memudahkan kita menjalankan kerja yang diamanahkan mengikut bidang masing-masing," katanya.

Murnizam turut mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang telah berkhidmat sejak 10 tahun yang lalu dan berharap mereka akan terus meningkatkan prestasi cemerlang membantu menaikkan nama universiti.



KAKITANGAN Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) meraikan kejayaan mereka memenangi gerai terbaik.



GABRIEL Moinjil (kanan) menyampaikan hadiah bertuah kepada kakitangan yang hadir.

"Tahniah juga saya ucapkan kepada pasukan yang memenangi pertandingan Team Building dan atlet yang meraih pingat di Kejohanan Sukan Staf UMS yang lalu," katanya.

Beliau berharap semua kakitangan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni termasuk bekerjasama, hormat-menghormati dan bertolak ansur kepada semua pelanggan UMSKAL sama ada pelanggan di dalam dan mahu pun luar universiti.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan hadiah wang tunai kepada atlet yang meraih pingat di Kejohanan Sukan Staf UMS 2015.